



AKTA
PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
1993

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(JAWATANKUASA KARIAH)
2019



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



2019
P.U. (A)

WARTA KERAJAAN
PERSEKUTUAN

FEDERAL
GOVERNMENT
GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN
UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-
WILAYAH PERSEKUTUAN)
(JAWATANKUASA KARIAH) 2019

*ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW
(FEDERAL TERRITORIES) (JAWATANKUASA
KARIAH) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993**

**KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (JAWATANKUASA KARIAH)
2019**

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
JAWATANKUASA KARIAH**

3. Penubuhan Jawatankuasa Kariah
4. Fungsi Jawatankuasa Kariah
5. Keanggotaan Jawatankuasa Kariah
6. Tatacara pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah
7. Kelayakan anggota Jawatankuasa Kariah
8. Tempoh jawatan
9. Peletakan jawatan
10. Penamatan pelantikan
11. Pembatalan pelantikan
12. Pelantikan anggota gantian
13. Aduan
14. Mesyuarat Jawatankuasa Kariah
15. Kuorum
16. Notis
17. Minit
18. Mesyuarat Tahunan
19. Notis Mesyuarat Tahunan
20. Usul
21. Pemeriksa kira-kira
22. Elaun

BAHAGIAN III
JAWATANKUASA KECIL KARIAH

Kaedah

23. Penubuhan Jawatankuasa Kecil Kariah
24. Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Dakwah
25. Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Ekonomi
26. Jawatankuasa Kecil Kebersihan dan Keceriaan
27. Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Penerbitan
28. Jawatankuasa Kecil Belia dan Riadah
29. Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Hal Ehwal Anak Kariah

BAHAGIAN IV
**KEWAJIPAN PENGERUSI, TIMBALAN PENGERUSI, SETIAUSAHA
DAN BENDAHARI JAWATANKUASA KARIAH**

30. Kewajipan Pengerusi
31. Kewajipan Timbalan Pengerusi
32. Kewajipan Setiausaha
33. Kewajipan Bendahari

BAHAGIAN V
KUASA MAJLIS

34. Kuasa Majlis

BAHAGIAN VI
KEWANGAN

35. Akaun kewangan masjid
36. Garis panduan kewangan
37. Audit

BAHAGIAN VII
PELBAGAI

38. Laporan Tahunan
39. Pembatalan
40. Kecualian dan peralihan

JADUAL

AKTA 505

AKTA PENTADBIRAN UNDANG- UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

BAHAGIAN I - PERMULAAN

BAHAGIAN VII – MASJID

**AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993 [AKTA 505]**

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Seksyen 2. Tafsiran.

(1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"*anak kariah*" ertinya seseorang yang secara tetap atau pada lazimnya tinggal dalam *kariah masjid*;

"*Imam*" ertinya Imam yang dilantik di bawah seksyen 76(3);

"*Imam Ratib*" ertinya Imam Ratib yang dilantik di bawah seksyen 76(4);

"*jawatankuasa kariah*" ertinya jawatankuasa kariah yang ditubuhkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 81;

"*kariah masjid*", berhubungan dengan sesuatu masjid, ertinya kawasan yang sempadannya ditentukan di bawah seksyen 75 yang di dalamnya masjid itu terletak;

"*masjid*" ertinya suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam, dan termasuk mana-mana masjid atau surau atau madrasah yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga;

"*Pegawai Masjid*" ertinya Naqib Masjid, Imam, Imam Ratib, Bilal dan Pembantu Bilal bagi sesuatu masjid;

"*Pembantu Bilal*" ertinya Pembantu Bilal sesuatu masjid yang dilantik di bawah seksyen 76(4);

BAHAGIAN VII – MASJID

Seksyen 72. Peramanahan masjid-masjid dan tanah-tanah yang berkaitan.

Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam mana-mana suratcara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah bagi semua masjid dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan; dan tiap-tiap masjid, bersama dengan tanah yang di atasnya terdiri masjid itu dan mana-mana tanah yang berhubungan dengan dan digunakan bagi maksud-maksud masjid itu, selain daripada tanah Kerajaan atau tanah yang dirizab bagi maksud awam, hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang relevan yang berhubungan dengan tanah, dan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan, terletakhak pada Majlis bagi maksud-maksud Akta ini.

Seksyen 73. Sekatan ke atas penubuhan masjid.

- (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, mendirikan apa-apa bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid, atau selainnya menggunakan mana-mana bangunan bagi maksud-maksud sesuatu masjid, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bangunan digunakan sebagai masjid.
- (2) Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan bagi masjid yang dicadangkan itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.

Seksyen 74. Penyenggaraan masjid dan kawasannya.

- (1) Majlis hendaklah memastikan bahawa semua masjid dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan adalah disenggarakan dalam keadaan pemberian yang sepatutnya dan bahawa kawasan-kawasannya disenggarakan dalam keadaan kebersihan yang sepatutnya; dan Majlis boleh memperdapatkan dan menggunakan, atau membenarkan pemerdapatan dan penggunaan, wang khas bagi maksud pemberian dan penyenggaraan itu, atau bolehlah membayar kos pemberian dan penyenggaraan itu daripada Kumpulan Wang.
- (2) Naqib Masjid atau Imam hendaklah dengan segera memberitahu Majlis tentang apa-apa keadaan yang memerlukan pemberian dalam masjidnya, dan hendaklah memeriksa atau mengawasi mana-mana pemberian itu sebagai ejen untuk dan bagi pihak Majlis.
- (3) Tiada perubahan material kepada struktur masjid boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.
- (4) Majlis boleh mengarahkan sesuatu jawatankuasa kariah supaya menyenggarakan masjid yang di bawah tanggungjawab di dalam keadaan pemberian yang sepatutnya.

Seksyen 75. Sempadan kariah masjid.

Majlis boleh pada bila-bila masa melalui pemberitahuan dalam *Warta* menentukan, meminda, atau mengubah sempadan mana-mana kariah masjid.

Seksyen 76. Pelantikan Pegawai Masjid.

- (1) Bagi tiap-tiap masjid dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik seorang Naqib Masjid, seorang Imam, seorang Imam Ratib, seorang Bilal dan seorang Pembantu Bilal.
- (2) Jawatan-jawatan Naqib Masjid, Imam dan Bilal hendaklah menjadi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.
- (3) Naqib Masjid, Imam dan Bilal hendaklah dilantik oleh Majlis daripada kalangan orang yang berkhidmat dalam perkhidmatan Pentadbiran Agama.
- (4) Imam Ratib dan Pembantu Bilal hendaklah dilantik oleh Majlis, atas nasihat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, daripada kalangan anak kariah.

(5) Apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini, tiap-tiap orang yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen ini, telah menjadi Imam dan Bilal suatu masjid yang dilantik di bawah Enakmen, hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik sewajarnya di bawah seksyen ini sebagai Imam atau Bilal masjid itu masing-masingnya dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 78, terus memegang jawatan sebagai yang demikian.

Seksyen 77. Tauliah.

(1) Tiap-tiap orang yang dilantik oleh Majlis menjadi Pegawai Masjid, termasuk tiap-tiap orang yang disifatkan telah dilantik sedemikian di bawah subseksyen (5) seksyen 76, hendaklah diberi tauliah oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap Pegawai Masjid hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang dinyatakan dalam tauliah mereka masing-masing.

Seksyen 78. Tempoh jawatan Pegawai Masjid.

(1) Perlantikan seseorang Pegawai Masjid boleh ditamatkan melalui notis daripada Majlis.

(2) Tiada seorang pun Imam Ratib dan Pembantu Bilal boleh terus memegang jawatan itu selepas mencapai umur enam puluh tahun.

(3) Adalah menjadi kewajipan Setiausaha untuk membawa kepada pengetahuan Majlis apa-apa kelakuan keji mana-mana Pegawai Masjid, sama ada berhubungan dengan tugas-tugasnya sebagai yang demikian atau selainnya, dan untuk membuat apa-apa syor yang munasabah.

Seksyen 79. Kawalan dan arahan ke atas Pegawai Masjid.

Dalam pelaksanaan tugas-tugas mereka, Imam, Imam Ratib, Bilal dan Pembantu Bilal hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Naqib Masjid.

Seksyen 80. Penghapusan jawatan Nazir.

Apabila mula berkuatkuasanya seksyen 76, jawatan Nazir masjid tidak lagi wujud.

Seksyen 81. Jawatankuasa kariah.

(1) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah bagi—

- (a) penubuhan sesuatu jawatankuasa kariah;
- (b) menetapkan cara bagaimana anggota-anggota jawatankuasa kariah itu hendaklah dilantik; dan
- (c) menetapkan fungsi-fungsi jawatankuasa kariah.

(2) Jawatankuasa kariah, bersama-sama dengan Pegawai Masjid, hendaklah--

- (a) bertanggungjawab bagi pengelolaan sempurna dan keadaan baik bagi masjid dan semua tanah perkuburan Islam dan kariahnya;
- (b) bertanggungjawab bagi kelakuan anak kariah dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam; dan
- (c) memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah itu yang menghendaki perhatian Majlis.

Seksyen 82. Pengecualian.

- (1) Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana masjid daripada semua atau mana-mana peruntukan Bahagian ini.
- (2) Peruntukan-peruntukan Bahagian ini, kecuali seksyen 72, tidaklah terpakai bagi Masjid Negara.

Seksyen 83. Kuasa meminda Jadual Ketiga.

Majlis boleh, dari masa ke semasa, meminda Jadual Ketiga melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

 <p>2019 P.U. (A)</p>	<p>WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE</p>
--	--

**KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-
UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH
PERSEKUTUAN) (JAWATANKUASA KARIAH)
2019**

*ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW (FEDERAL
TERRITORIES) (JAWATANKUASA KARIAH) RULES
2019*

<p>DISIARKAN OLEH/PUBLISHED BY JABATAN PEGUAM NEGARA/ ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS</p>

**AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993**

**KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (JAWATANKUASA
KARIAH) 2019**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 81(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Jawatankuasa Kariah) 2019.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

"Jabatan" ertiya Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan;

"Jawatankuasa Kariah" ertiya Jawatankuasa Kariah yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

"pegawai" ertiya pegawai yang dilantik oleh Majlis yang bertanggungjawab bagi pengurusan masjid dan kariah masjid.

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA KARIAH

Penubuhan Jawatankuasa Kariah

3. Suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kariah hendaklah ditubuhkan bagi tiap-tiap masjid di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Fungsi Jawatankuasa Kariah

4. Fungsi Jawatankuasa Kariah adalah untuk merancang, mempromosi, mengurus dan melaksanakan semua perkara dan aktiviti yang berhubungan dengan pengelolaan sempurna dan keadaan baik bagi masjid dan kelakuan anak kariah dalam kariahnya.

Keanggotaan Jawatankuasa Kariah

5. (1) Jawatankuasa Kariah hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang Bendahari;
- (d) seorang wakil belia dan seorang wakil belia wanita;
- (e) dua orang wakil wanita; dan
- (f) enam orang anggota biasa, sekurang-kurangnya dua orang daripada mereka hendaklah seseorang yang arif dalam agama, ekonomi atau bidang profesional yang lain.

(2) Naqib Masjid hendaklah menjadi Setiausaha.

(3) Setiausaha hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak untuk mengundi.

Tatacara pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah

6. (1) Pegawai hendaklah mencadangkan nama calon bagi anggota Jawatankuasa Kariah selepas berunding dengan Pegawai Masjid dengan menggunakan Borang A, Jadual.

(2) Nama calon yang dicadangkan hendaklah disenaraikan dalam Borang B, Jadual dan dipamerkan selama empat belas hari di masjid dalam kariah itu.

(3) Jika terdapat apa-apa bantahan mengenai mana-mana calon yang dicadangkan dalam subkaedah (2), anak kariah hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh senarai nama calon yang dicadangkan itu dipamerkan, mengemukakan bantahan bertulis dengan menggunakan Borang C, Jadual kepada pegawai.

(4) Pegawai hendaklah memuktamadkan nama-nama calon yang dicadangkan selepas mengambil kira apa-apa bantahan yang dibuat di bawah subkaedah (3).

(5) Majlis hendaklah melantik calon yang dimuktamadkan di bawah subkaedah (4) sebagai anggota Jawatankuasa.

Kelayakan anggota Jawatankuasa Kariah

7. (1) Seseorang itu layak untuk dicalonkan sebagai anggota Jawatankuasa Kariah jika—

- (a) dia seorang Islam;
- (b) dia seorang warganegara Malaysia;
- (c) dia bukan anggota mana-mana Jawatankuasa Kariah lain;

- (d) dia berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun tetapi tidak lebih daripada enam puluh lima tahun;
- (e) dia merupakan anak kariah masjid itu;
- (f) dia mempunyai pengetahuan dalam agama Islam dan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (g) dia mempunyai tingkah laku yang baik dan amanah;
- (h) dia menunaikan solat berjemaah di masjid kariahnya secara lazim;
- (i) dia bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan
- (j) dia tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah.

(2) Majlis boleh, jika ia berpuas hati bahawa terdapat keadaan khas dan ia tidak berlawanan dengan kepentingan awam, mengecualikan terma kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1) (b), (c), (d) atau (e).

(3) Seseorang yang memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik tidak layak untuk menjadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Bendahari Jawatankuasa Kariah kecuali dengan kelulusan Majlis.

Tempoh jawatan

8. (1) Anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula jika difikirkan layak oleh Majlis.

(2) Apa-apa pelantikan semula anggota di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat dalam masa tiga bulan sebelum habis tempoh pelantikannya.

Peletakan jawatan

9. Seseorang anggota Jawatankuasa Kariah boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya melalui notis secara bertulis kepada Setiausaha Majlis dan peletakan jawatan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh Setiausaha Majlis menerima notis itu.

Penamatian pelantikan

10. Pelantikan seseorang anggota Jawatankuasa Kariah tamat jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) dia meletak jawatan sebagai anggota Jawatankuasa Kariah; atau
- (c) tempoh pelantikannya sebagai anggota Jawatankuasa Kariah tamat.

Pembatalan pelantikan

11.(1) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah jika-

- (a) dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah;
- (b) tindakannya, sama ada yang berkenaan dengan kewajipannya sebagai anggota Jawatankuasa Kariah atau selainnya, boleh mencemarkan nama Majlis, Jabatan atau Jawatankuasa Kariah;
- (c) dia telah diisyiharkan bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) dia menjadi tidak berupaya menjalankan kewajipannya dengan sepatutnya sebagai seorang anggota Jawatankuasa Kariah;
- (e) dia, sebagai seorang Pengurus, Timbalan Pengurus atau Bendahari Jawatankuasa Kariah, telah dilantik untuk memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;

- (f) dia menafikan, mengingkari, mempertikaikan perintah atau arahan pihak berkuasa agama;
- (g) dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa apa-apa alasan yang munasabah;
- (h) jika dia tidak berada di Malaysia bagi tempoh melebihi tiga bulan tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi;
- (i) dia tidak lazim menuaikan solat berjemaah di masjid kariahnya tanpa uzur syarie; atau
- (j) dia tidak menjalankan kewajipannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah ini atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Pelantikan anggota gantian

12.(1) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang layak untuk mengisi kekosongan mana-mana anggota yang pelantikannya telah tamat di bawah kaedah 10 atau telah dibatalkan di bawah kaedah 11, tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) jika bilangan anggota yang pelantikannya telah tamat atau dibatalkan itu tidak lebih daripada tujuh orang, pegawai boleh mengesyorkan nama anggota yang baharu dan mengemukakannya kepada Setiausaha Majlis; atau
 - (b) jika bilangan anggota yang pelantikannya telah tamat atau dibatalkan itu lebih daripada tujuh orang, Jawatankuasa Kariah hendaklah dibubarkan dan pelantikan anggota yang baharu hendaklah dibuat mengikut tatacara di bawah kaedah 6.
- (2) Seseorang yang dilantik di bawah subkaedah (1), hendaklah memegang jawatan bagi baki tempoh jawatan anggota yang digantinya.

Aduan

13.(1) Apa-apa aduan yang diterima terhadap mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Majlis.

(2) Setiausaha Majlis hendaklah mengarahkan mana-mana pegawai untuk menjalankan siasatan dengan seberapa segera tentang apa-apa aduan yang dibuat di bawah subkaedah (1) dan hendaklah mengemukakan laporan berserta syor mengenai aduan itu kepada Majlis.

(3) Majlis hendaklah, selepas menerima laporan dan syor di bawah subkaedah (2), mengambil tindakan yang berikut:

(a) memaklumkan anggota Jawatankuasa Kariah mengenai aduan yang dibuat terhadapnya melalui suatu notis; dan

(b) memberi peluang kepada anggota Jawatankuasa Kariah yang disebut dalam perenggan (a) untuk membuat representasi bertulis dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh anggota Jawatankuasa itu menerima notis itu.

(4) Jika Majlis mendapati bahawa terdapat kesalahan terhadap aduan yang dibuat di bawah subkaedah (1), Majlis hendaklah memutuskan seperti yang berikut:

(a) membatalkan pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah itu;

(b) membubarkan Jawatankuasa Kariah; atau

(c) mengambil apa-apa tindakan lain yang Majlis fikirkan patut terhadap Jawatankuasa Kariah atau mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah.

(5) Keputusan Majlis di bawah subkaedah (4) adalah muktamad.

Mesyuarat Jawatankuasa Kariah

14.(1) Mesyuarat Jawatankuasa Kariah hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas arahan Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan jika Pengerusi tidak hadir atau menjadi tidak berupaya untuk menjalankan fungsinya sebagai Pengerusi atau atas apa-apa sebab lain tidak dapat bertindak sebagai Pengerusi, dalam mana-mana mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat, anggota yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jawatankuasa Kariah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan atau pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi.

(5) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kariah hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak untuk mengundi, dan jika terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Kuorum

15. Tujuh orang anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah membentuk kuorum mesyuarat.

Notis

16. Sekurang-kurangnya tujuh hari notis secara bertulis hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat, tetapi Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa terdapat keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan supaya kehendak tujuh hari notis itu diketepikan.

Minit

17.(1) Semua minit mesyuarat Jawatankuasa Kariah hendaklah disenggara dan disimpan oleh Setiausaha Jawatankuasa Kariah.

(2) Minit mesyuarat yang telah ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha hendaklah direkodkan dan disimpan dalam Buku Minit Mesyuarat Masjid dan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan dan Setiausaha Majlis dalam masa empat belas hari selepas ia telah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha.

(3) Apa-apa minit mesyuarat Jawatankuasa Kariah yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi dan Setiausaha hendaklah diterima dalam apa-apa prosiding sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

Mesyuarat Tahunan

18.(1) Mesyuarat Tahunan kariah masjid hendaklah diadakan dalam masa dua belas bulan dari tarikh terakhir Mesyuarat Tahunan.

(2) Pengerusi Jawatankuasa Kariah hendaklah mengarahkan Setiausaha untuk memanggil Mesyuarat Tahunan.

(3) Pengerusi Jawatankuasa Kariah hendaklah mempengerusikan Mesyuarat Tahunan Jawatankuasa Kariah dan jika Pengerusi tidak hadir atau menjadi tidak berupaya untuk menjalankan fungsinya sebagai Pengerusi atau atas apa-apa sebab lain tidak dapat bertindak sebagai Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan Mesyuarat Tahunan itu.

(4) Empat puluh anggota kariah masjid yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas tahun hendaklah membentuk kuorum bagi Mesyuarat Tahunan itu.

(5) Mesyuarat Tahunan hendaklah—

(a) membentangkan semua laporan aktiviti yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Kariah;

- (b) membentangkan semua laporan kewangan bagi tahun kewangan terdahulu; dan
 - (c) membahaskan usul yang diterima daripada anak kariah.
- (6) Keputusan Mesyuarat Tahunan kariah masjid hendaklah dibuat secara sebulat suara atau oleh majoriti ahli yang hadir.
- (7) Satu Salinan Minit Mesyuarat Tahunan yang telah ditandatangani oleh Pengurus dan Setiausaha hendaklah dikemukakan kepada Jabatan dan Setiausaha Majlis dalam masa empat belas hari selepas Mesyuarat Tahunan itu.

Notis Mesyuarat Tahunan

19.(1) Suatu notis Mesyuarat Tahunan hendaklah diberikan kepada anak kariah dua puluh satu hari sebelum Mesyuarat Tahunan diadakan.

(2) Sesalinan notis Mesyuarat Tahunan hendaklah dihantar kepada Jabatan dan Setiausaha Majlis.

Usul

20. Apa-apa usul hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa Kariah empat belas hari sebelum Mesyuarat Tahunan diadakan.

Pemeriksa kira-kira

21. Dua orang dari kalangan anak kariah yang bukan anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah dilantik sebagai Pemeriksa Kira-Kira oleh anak kariah semasa Mesyuarat Tahunan bagi tempoh tiga tahun.

Elaun

22. Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-Kira boleh dibayar dengan apa-apa elauan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA KECIL KARIAH

Penubuhan Jawatankuasa Kecil Kariah

23.(1) Jawatankuasa Kariah boleh, bagi maksud menjalankan fungsinya menuju menukuasa kecil kariah seperti yang berikut:

- (a) Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Dakwah;
- (b) Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Ekonomi;
- (c) Jawatankuasa Kecil Kebersihan dan Keceriaan;
- (d) Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Penerbitan;
- (e) Jawatankuasa Kecil Belia dan Riadah; dan
- (f) Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Hal Ehwal Anak Kariah.

(2) Jawatankuasa Kariah boleh menuju menukuasa kecil kariah lain untuk memastikan pentadbiran masjid berjalan lancar.

(3) Pengurus bagi setiap Jawatankuasa Kecil Kariah hendaklah dipilih dalam kalangan anggota Jawatankuasa Kariah.

(4) Pengurus Jawatankuasa Kecil Kariah boleh melantik sekurang-kurangnya lima orang anak kariah untuk membantunya dalam melaksanakan kewajipannya dan hendaklah terdiri daripada anggota lelaki dan wanita.

Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Dakwah

24. Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Dakwah bertanggungjawab bagi merancang, mengadakan dan melaksanakan-

- (a) aktiviti dakwah dan kelas pengajian;

- (b) aktiviti *Ihya' Ramadan* dan apa-apa aktiviti lain sempena hari kebesaran Islam yang lain;
- (c) apa-apa aktiviti yang berkaitan secara usaha sama dengan mana-mana agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan;
- (d) aktiviti motivasi, kursus dan kelas bimbingan dari semasa ke semasa; dan
- (e) apa-apa aktiviti lain yang berhubungan dengan pendidikan dan dakwah.

Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Ekonomi

25. Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Ekonomi bertanggungjawab bagi—

- (a) mengawal, mentadbir dan menyenggara apa-apa harta yang diamanahkan oleh Majlis kepada masjid;
- (b) mengembangkan dan membangunkan ekonomi masjid dengan kelulusan Majlis; dan
- (c) merancang dan menganjurkan apa-apa aktiviti lain yang berhubungan dengan pembangunan dan ekonomi masjid.

Jawatankuasa Kecil Kebersihan dan Keceriaan

26. Jawatankuasa Kecil Kebersihan dan Keceriaan bertanggungjawab bagi—

- (a) merancang dan menganjurkan aktiviti kebersihan dan keceriaan masjid termasuk kebersihan tanah perkuburan;
- (b) memastikan kebersihan dan keceriaan di dalam dan di luar masjid;
- (c) memastikan kelengkapan masjid disenggara dengan baik;

- (d) merancang, menganjurkan atau menyertai apa-apa aktiviti lain yang berhubungan dengan kebersihan dan keceriaan masjid.

Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Penerbitan

27. Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Penerbitan bertanggungjawab bagi—

- (a) merancang strategi penerangan bagi aktiviti masjid untuk sepanjang tahun;
- (b) mempromosikan aktiviti masjid kepada anak kariah;
- (c) menganjurkan dan menguruskan perpustakaan yang lengkap sebagai pusat sehenti bagi masyarakat setempat;
- (d) menerbitkan risalah, kalendar dan buletin masjid; dan
- (e) merancang dan menganjurkan apa-apa aktiviti lain yang berhubungan dengan penerangan dan penerbitan.

Jawatankuasa Kecil Belia dan Riadah

28. Jawatankuasa Kecil Belia dan Riadah bertanggungjawab bagi merancang dan menganjurkan—

- (a) aktiviti yang boleh menarik belia untuk datang ke masjid melalui pendidikan, kebudayaan, riadah dan sukan; dan
- (b) apa-apa aktiviti lain yang berhubungan dengan belia dan riadah.

Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Hal Ehwal Anak Kariah

29. Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Hal Ehwal Anak Kariah bertanggungjawab bagi—

- (a) merancang dan menganjurkan kursus, bengkel, ceramah atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya

bagi pembangunan dan pemantapan keluarga dari sudut ekonomi dan sahsiah;

- (b) merancang dan menganjurkan aktiviti lain yang berhubungan dengan hal ehwal keluarga;
- (c) mengumpul maklumat asas tentang isi rumah anak kariah;
- (d) menyimpan dan menyenggara suatu daftar penduduk Islam di kariah itu;
- (e) menguruskan urusan pengebumian jenazah dalam kariah itu;
- (f) menguruskan dan menyenggara dana khairat kematian anak kariah;
- (g) memberi perhatian dan memantau keperluan asas anak kariah seperti tempat tinggal, makanan, kesihatan dan pakaian; dan
- (h) merancang dan menganjurkan apa-apa aktiviti lain yang bersesuaian bagi anak kariah berhubung dengan kebijakan dan hal ehwal anak kariah.

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN PENGERUSI, TIMBALAN PENGERUSI, SETIAUSAHA DAN BENDAHARI JAWATANKUASA KARIAH

Kewajipan Pengerusi

30. Pengerusi hendaklah mempunyai kewajipan untuk—

- (a) mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan Mesyuarat Tahunan;
- (b) mengawal kewangan masjid sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis;

- (c) mengawal, memantau dan mengawasi kelakuan baik anak kariah masjid dalam perkara yang berhubungan dengan agama Islam bersama-sama dengan anggota Jawatankuasa Kariah;
- (d) melaporkan kepada Jabatan apa-apa perkara berbangkit di kariah itu yang patut dimaklumkan kepada Jabatan, dengan segera;
- (e) mengawal selia dan memastikan bahawa kewajipan semua Jawatankuasa Kecil Kariah telah dijalankan dengan sepatutnya;
- (f) mengawal dan mentadbir semua harta masjid bersama-sama dengan Jawatankuasa Kecil Kariah;
- (g) memastikan bahawa peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini dipatuhi; dan
- (h) menjalankan kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis atau Jabatan dari semasa ke semasa.

Kewajipan Timbalan Pengerusi

31. Timbalan Pengerusi hendaklah mempunyai kewajipan untuk—

- (a) membantu Pengerusi Jawatankuasa Kariah dalam menjalankan tugasnya;
- (b) menjalankan tugas Pengerusi Jawatankuasa Kariah semasa ketiadaannya; dan
- (c) menjalankan kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

Kewajipan Setiausaha

32. Setiausaha hendaklah mempunyai kewajipan untuk—

- (a) berusaha untuk memastikan keputusan dan dasar Jawatankuasa Kariah dilaksanakan;
- (b) mencatat dan mengedarkan minit mesyuarat kepada anggota Jawatankuasa Kariah;

- (c) menyediakan minit mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan minit Mesyuarat Tahunan dan lain-lain laporan yang perlu;
- (d) menjaga dan menyimpan buku rekod dan dokumen lain Jawatankuasa Kariah kecuali yang berhubung dengan kewangan;
- (e) bertindak sebagai pegawai perhubungan bagi masjid dan anak kariah;
- (f) menyediakan laporan Mesyuarat Tahunan dan mengemukakan satu salinan laporan itu kepada Jabatan dan Setiausaha Majlis; dan
- (g) menjalankan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

Kewajipan Bendahari

33. Bendahari hendaklah mempunyai kewajipan untuk—

- (a) menyediakan bajet bagi aktiviti dan perbelanjaan masjid untuk dikemukakan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan kepada Jabatan bagi maksud kelulusan;
- (b) menyedia, menyimpan, menyenggara dan menjaga buku, rekod akaun dan dokumen lain Jawatankuasa Kariah berhuhung dengan kewangan;
- (c) menerima semua wang yang dibayar kepada akaun kewangan masjid dan mengeluarkan resit baginya;
- (d) membuat pembayaran yang diluluskan oleh Pengerusi atau Jawatankuasa Kariah;
- (e) menyediakan penyata kewangan bulanan dan mengemukakannya kepada Jabatan;
- (f) mempamerkan penyata kewangan bulanan di papan kenyataan untuk makluman anak kariah;
- (g) menyediakan laporan kewangan tahunan untuk dikemukakan dalam Mesyuarat Tahunan; dan

- (h) menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh Majlis atau Jabatan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN V

KUASA MAJLIS

Kuasa Majlis

34. (1) Majlis boleh memberi apa-apa arahan kepada Jawatankuasa bagi maksud:

- (a) memantau dan menyiasat aktiviti dan fungsi yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kariah;
- (b) menghendaki supaya dikemukakan apa-apa buku, akaun, laporan atau maklumat yang berhubungan dengan Jawatankuasa Kariah kepada Majlis; dan
- (c) memeriksa buku, akaun dan rekod Jawatankuasa Kariah.

(2) Setiap anggota Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Kecil Kariah yang ditubuhkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Majlis.

(3) Jika tiada kariah di sesebuah masjid, Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pentadbiran Masjid yang terdiri daripada anggota yang sesuai dan layak yang dilantik oleh Majlis.

(4) Bagi maksud subkaedah(3), Jawatankuasa Pentadbiran Masjid hendaklah tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

(5) Majlis boleh, selepas permohonan mana-mana Jawatankuasa Kariah, mengecualikan pemakaian apa-apa peruntukan kaedah 5 dan 23 bagi Jawatankuasa Kariah itu.

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

Akaun kewangan masjid

35. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, tiap-tiap Jawatankuasa Kariah di setiap masjid hendaklah membuka satu akaun yang dinamakan sebagai akaun kewangan masjid di mana-mana bank Islam berlesen yang mengandungi apa-apa keuntungan masjid, derma atau sumbangan daripada mana-mana orang bagi kepentingan masjid dan diuruskan oleh Jawatankuasa Kariah.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), "bank Islam berlesen" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].

Garis panduan kewangan

36. Setiap kelulusan bagi mendapatkan apa-apa pembekalan atau perbelanjaan hendaklah dibuat mengikut garis panduan kewangan atau apa-apa peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Audit
